

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | |
|-----|-----------------------|-----------------------------------|
| 1.1 | Skim Perkhidmatan | : Juruteknik Komputer |
| 1.2 | Gred Jawatan | : Gred FT1 |
| 1.3 | Kementerian/ Jabatan | : Parlimen Malaysia |
| 1.4 | Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| 1.5 | Taraf Jawatan | : Kontrak |
| 1.6 | Bilangan Kekosongan | : Satu (1) |
| 1.7 | Jadual Gaji | : RM1,500.00 – RM 4,680.00 |

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 2.1 warganegara Malaysia;
- 2.2 berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih daripada 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 2.3 memiliki Sijil Vokasional Malaysia (SVM)/ Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2/ 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- 2.4 memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu serta subjek lain pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 2.5 keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai:
 - 2.5.1 Berpengetahuan dan mahir dalam penggunaan komputer;
 - 2.5.2 Berpengetahuan dalam bidang penyelenggaraan perkakasan komputer; dan
 - 2.5.3 Mempunyai pengetahuan asas dalam rangkaian atas talian (*Networking*).

3. CARA MEMOHON

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 3.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) – [P.U (A) 1/2012].
- 3.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik, dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 ke atas).

Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 16 JANUARI 2026

Tarikh Iklan : 08 JANUARI 2026

Catatan Am :

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.